



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JAJAHAN DINDING ERA NEGERI-NEGERI SELAT, 1874 -1935

SITI NORHAMIDAH BINTI ABU BAKAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JAJAHAN DINDING ERA NEGERI-NEGERI SELAT, 1874 -1935

SITI NORHAMIDAH BINTI ABU BAKAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **10 DISEMBER 2024**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **SITI NORHAMIDAH BINTI ABU BAKAR (M20221000643) FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **JAJAHAN DINDING ERA NEGERI-NEGERI SELAT, 1874 -1935** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

SITI NORHAMIDAH

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF.DR.ISHAK BIN SAAT** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **JAJAHAN DINDING ERA NEGERI-NEGERI SELAT, 1874 -1935** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA).**

10/12/2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: JAJAHAN DINDING ERA NEGERI-NEGERI SELAT, 1874-1935

No. Matrik / Matric's No.: M20221000643

Saya / I: SITI NORHAMIDAH BINTI ABU BAKAR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan () bagi pilihan kategori di bawah / Please tick () for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

SITI NORHAMIDAH

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 10/12/2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. YUNUS BIN SAUMAN@SABIN

Ketua Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepadaNya. Dengan izin dan limpahan rahmat daripada Allah SWT, tesis ini dapat disiapkan dengan sebaiknya. Ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia akademik saya, Prof. Dr. Hj. Ishak Saat dan Dr. Yunus Sauman yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, pandangan, kritikan serta cadangan dalam menyiapkan tesis sarjana ini. Ribuan terima kasih juga buat suami yang disayangi Encik Mohd Hakimie Ab.Rahim dan anak-anak yang disayangi Dalili Nur Hayfa, Daarisa Nur Hawra, Dayyan Hariz dan Difla Nur Haaniy serta bonda tercinta, Ku Enshah Ku Shaari dan keluarga, di atas segala sokongan, doa dan dorongan yang tidak pernah lekang sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada pihak Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memberi peluang dan ruang serta kepercayaan kepada saya dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dengan pembiayaan Hadiah Latihan Persekutuan di bawah Program Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB) selama tempoh dua tahun pengajian. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), pihak Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) dan Jabatan Sejarah yang banyak membantu serta memberi kemudahan sepanjang dua tahun pengajian saya di sini. Akhir sekali, ucapan terima kasih juga kepada rakan seperjuangan Cik Siti Radzia Ramlee dan Puan Lasmi Lukito atas kerjasama dan keprihatinan sepanjang kebersamaan dalam melalui kehidupan sebagai seorang pelajar sarjana. Semoga tesis yang disiapkan ini dapat memberi manfaat kepada para pencinta ilmu sejarah.





ABSTRAK

Kajian ini berkaitan Jajahan Dinding semasa berada di bawah pentadbiran British dan Negeri-negeri Selat bermula tahun 1874 sehingga 1935. Kajian ini dibuat bagi memenuhi kekurangan kajian dan maklumat berkaitan perkembangan Jajahan Dinding semasa diambil alih sepenuhnya oleh British dan diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat. Selain itu, kajian dibuat bagi menilai dan meneliti perubahan yang berlaku dalam aspek politik dan ekonomi di Jajahan Dinding. Kajian juga akan turut menganalisis kemajuan yang berlaku semasa Jajahan Dinding ditadbir oleh kuasa British dan Negeri-negeri Selat bermula tahun 1874 sehingga tahun 1935. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen mengenalpasti dan menganalisis data secara analitikal dan kritis daripada semua sumber yang diperolehi. Antara sumber primer yang digunakan adalah melibatkan pengumpulan data daripada Fail Kolonial (C.O), Secretariat Selangor, Fail Dinding Kolonial (D.C.F) dan juga beberapa sumber rasmi yang lain seperti *Annual Report* yang diperolehi daripada simpanan arkib. Penggunaan sumber kedua turut digunakan dalam kajian merangkumi bahan bacaan dan terbitan, selain daripada temuramah waris kepada tokoh yang terlibat serta kajian lapangan ke lokasi kajian. Dapatan kajian jelas menunjukkan Jajahan Dinding mengalami perubahan politik yang unik semasa berada di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat, selain turut berlaku perkembangan dan perubahan yang positif dalam aspek ekonomi dan sosial masyarakat Dinding bermula tahun 1890 sehingga tahun 1934. Kajian ini penting bagi menyedarkan masyarakat setempat tentang wilayah Dinding yang merupakan salah satu daripada wilayah Negeri-negeri Selat, namun kurang diberikan pendedahan yang sepatutnya berbanding wilayah lain seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.





THE COLONY OF DINDINGS DURING THE STRAITS SETTLEMENTS ERA, 1874 - 1935

ABSTRACT

This study relates to the Colony of Dinding during its administration under the British and the Straits Settlements from 1874 to 1935. The research aims to address the lack of studies and information regarding the Colony of Dinding when it was fully taken over by the British and placed under the administration of the Straits Settlements. Additionally, the study seeks to assess and examine the political and economic changes that occurred in Colony of Dinding. It will also analyze the progress made during the period of British and Straits Settlements administration from 1874 to 1935. This study employs a qualitative method, using instruments to identify and analytically and critically analyze data from all obtained sources. Primary sources include data collection from Colonial Files (C.O), the Selangor Secretariat, Colonial Dinding Files (D.C.F), and other official sources such as Annual Reports from archival holdings. Secondary sources are also utilized, encompassing reading materials and publications, as well as interviews with descendants of key figures involved, and field studies at the research locations. The findings clearly indicate that the Colony of Dinding experienced unique political changes while under the administration of the Straits Settlements, along with positive developments and changes in the economic and social aspects of the Colony of Dinding community from 1890 to 1934. This study is important for raising awareness among the local community about the Colony of Dinding region, which is one of the territories of the Straits Settlements but has received less exposure compared to other regions such as Penang, Malacca, and Singapore.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Permasalahan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Metodologi Kajian	12
1.1 Ulasan Kajian Terdahulu	14

1.11	Definisi Istilah	25
1.12	Pembahagian Bab	26
1.13	Penutup	28
BAB 2 LATAR BELAKANG JAJAHAN DINDING SEBELUM TAHUN 1874		
2.1	Pengenalan	30
2.2	Asal Usul Nama Dinding	32
2.3	Pentadbir Jajahan Dinding	35
2.4	Pengaruh Kuasa Asing	48
2.5	Perjanjian Pangkor 1874	74
2.6	Rumusan	91
BAB 3 SISTEM POLITIK JAJAHAN DINDING (1874-1935)		
3.1	Pengenalan	93
3.2	Struktur Organisasi Masyarakat dan Pemimpin Tempatan	100
3.2.1	Sultan dan Pembesar Tempatan	103
3.2.2	Penghulu	108
3.2.2.1	Peranan dan Tugas Penghulu	111
3.2.2.2	Cara British Mengurangkan Kuasa Penghulu Di Jajahan Dinding	116
3.2.3	Golongan Diperintah	121
3.2.3.1	Golongan Petani	121
3.2.3.2	Hamba	122
3.3	Pentadbiran Residen British	123
3.4	Pentadbiran Penguasa Dinding	149
3.5	Pentadbiran Pegawai Daerah Berbangsa Eropah	155
3.6	Rumusan	159

BAB 4 PERKEMBANGAN EKONOMI JAJAHAN DINDING (1874 -1935)

4.1	Pengenalan	161
4.2	Ekonomi Masyarakat Tempatan	164
4.2.1	Ekonomi Golongan Pemerintah Tempatan	164
4.2.2	Ekonomi Golongan Bawahan	170
4.3	Ekonomi Perdagangan	173
4.3.1	Perlombongan Bijih Timah	176
4.3.2	Arang / Kayu Arang	180
4.4	Ekonomi Pertanian	181
4.4.1	Penanaman Padi	182
4.4.2	Penanaman Tebu	186
4.4.3	Penanaman Kopi	188
4.4.4	Penanaman Getah	191
4.4.4.1	Pelaburan Syarikat Asing-Getah	202
4.4.5	Penanaman Kelapa	204
4.4.6	Tanaman Sampingan Lain	209
4.5	Penternakan	213
4.6	Perikanan / Hasil Laut	215
4.7	Hasil Hutan	217
4.8	Isu Ekonomi	224
4.9	Rumusan	227

BAB 5 PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT JAJAHAN DINDING (1874 - 1935)

5.1	Pengenalan	229
5.2	Stratifikasi Sosial Masyarakat Melayu	230
5.3	Imigran Asing	233

5.3.1	Jabatan Pelindung Orang Cina	236
5.3.2	Imigran India	238
5.4	Kesihatan	241
5.4.1	Penyakit Malaria	241
5.4.2	Penyakit Cacar Air / Cacar Kecil	243
5.4.3.	Wabak Kolera	246
5.5	Pusat Perubatan	248
5.5.1	Pusat Kesihatan Lumut / Hospital Lumut	248
5.5.2	Pusat Rawatan Kusta	255
5.6	Perkhidmatan Pejabat Pos	267
5.7	Sistem Pendidikan	271
5.8	Kemudahan Jaringan Jalan Raya	281
5.9	Lampu Jalan	293
5.10	Kenderaan Bermotor	298
5.11	Pertumbuhan Bandar	301
5.12	Pasukan Polis	304
5.12.1	Balai dan Berek Polis	306
5.13	Pembinaan Stesen Minyak	308
5.14	Sistem Pengairan / Bekalan Air	310
5.15	Mahkamah Majistret	317
5.16	Pejabat Tanah / Pejabat Daerah Dinding	320
5.17	Kuarters / Blok Penginapan	321
5.18	Rumah Api	324
5.19	Kebersihan	327
5.20	Isu Berkaitan Pembangunan Sosial	330
5.20.1	Perkhidmatan Feri	330

5.20.2 Pembinaan Pelabuhan Lumut	330
5.21 Rumusan	333
BAB 6 PENUTUP	
6.1 Penutup	335
RUJUKAN	340
LAMPIRAN	355

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Skim Gaji Penghulu Bagi Tahun 1907	119
3.2	Senarai Pentadbir/Penguasa di Jajahan Dinding bermula tahun 1875 sehingga tahun 1886	153
3.3	Senarai Pegawai Daerah yang pernah berkhidmat dalam Jajahan Dinding bermula tahun 1890 sehingga tahun 1935	156
4.1	Keluasan Tanaman Padi dan Harga Dagangan Tahun 1894 hingga Tahun 1914	184
4.2	Jumlah Eksport Terkumpul Hasil Getah Jajahan Dinding Bulan Mei - Disember Tahun 1927	198
4.3	Kutipan Cukai Eksport Jajahan Dinding Bagi Suku Kedua Disember 1927	201
4.4	Hak milik Getah Amerika Syarikat di Jajahan Dinding Tahun 1922	204
4.5	Keluasan Penanaman Kelapa dan Harga Dagangan Tahun 1984 sehingga Tahun 1913	205
4.6	Jenis Tanaman Sampingan di Jajahan Dinding, 1894-1914	210
4.7	Jenis dan jumlah Ternakan di Jajahan Dinding, 1894-1914	213
4.8	Keluasan Hutan Simpan dan Jumlah Hasil Hutan Jajahan Dinding, 1922-1925	219
4.9	Jenis dan Kegunaan Kayu di Jajahan Dinding	222
4.10	Senarai Pemilikan Tanah Melebihi 100 Ekar di Jajahan Dinding	225
5.1	Kadar Kemasukan Buruh Kasar Berbangsa Cina ke Tanah Melayu	234

5.2	Jumlah Kemasukan Imigran India ke Negeri-negeri Selat, 1921- 1930	239
5.3	Kes Jangkitan Cacar Air di Tiga Wilayah NNS, 1911.	244
5.4	Laporan Awal Penularan Wabak Kolera Bagi Wilayah Negeri-negeri Selat, 1911	247
5.5	Data Kemasukan Pesakit negeri Perak yang Dipindahkan dari Pusat Kusta Pangkor Laut ke Pusat Kusta Sungai Buloh Sehingga Bulan Oktober 1931	261
5.6	Kadar Gaji Tahunan Guru di Sekolah Vernakular Lelaki di Permatang Damar Laut, Dinding, 1900 - 1910	277
5.7	Jumlah Sekolah dan Enrolmen Murid Tahun 1923 - 1924 di Negeri-negeri Selat	278
5.8	Laporan Kutipan Yuran Pendidikan di Jajahan Dinding Bagi Penggal Pertama Tahun 1930	280
5.9	Jalan Yang Dibaik Pulih di Jajahan Dinding, 1923 - 1929	289
5.10	Harga Lampu dan Kadar Bayaran Bagi Pemasangan Lampu di Jajahan Dinding, 1928 - 1929	295
5.11	Jumlah Senarai Daftar Kenderaan di Jajahan Dinding, September 1928	298
5.12	Jumlah Kenderaan Didaftarkan Bagi Tahun 1930 - Jun 1931 di Jajahan Dinding	299
5.13	Pengagihan Anggota Polis Di Sekitar Negeri-negeri Selat, 1874	305
5.14	Pemegang Lesen Menyimpan Petroleum dan Bahan Api Sekitar Jajahan Dinding, 1932	309
5.15	Jenis dan Kadar Bayaran Penggunaan Air di Jajahan Dinding	314
5.16	Ringkasan Jumlah Kes Dibicarakan di Mahkamah Negeri-negeri Selat, 1928	319
5.17	Kos Penyelenggaraan Rumah Api di Tanjong Hantu, Dinding	325
5.18	Rumah Api Yang Dibina Bermula Tahun 1850 - 1907 di Wilayah Negeri-negeri Selat	326

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Peta Sempadan Daerah Pulau Pangkor dan Kuala Sepit Tahun 1858	39
2.2	Salasilah keluarga dan asal usul keturunan Nakhoda Muhammad Taib yang berasal daripada Batu Bara, Pantai Timur, Sumatera Barat	42
2.3	Salasilah keturunan Penghulu Nordin yang membawa kepada waris keturunan yang ada sehingga ke hari ini	43
2.4	Sempadan Pentadbiran Jajahan Dinding dan Perak Tahun 1877	44
2.5	Sempadan Pengaruh Kuasa Asing Tahun 1826	55
2.6	Tiga bahagian pentadbiran British iaitu Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	71
2.7	Peta British Malaya yang merangkumi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu Negeri Sembilan, Perak, Pahang dan Selangor, serta negeri-negeri Selat termasuk Jajahan Dinding, Melaka, Pulau Pinang, Province Wellesley dan Singapura	73
3.1	Kubur J.W.W Birch	142
3.2	Kubur Mat Arshad	143
3.1	Struktur Organisasi Pentadbiran Jajahan Dinding	159
4.1	Kota Belanda di Kampung Teluk Gedung	178
4.2	Pemandangan reka bentuk ruang dalaman Kota Belanda	178
4.3	Peta kedudukan ladang getah di Jajahan Dinding sehingga tahun 1910	195

4.4	Bangunan Gray Jackson & Co.Ltd 1920 yang dahulunya berfungsi sebagai stor penyimpanan bekalan getah bagi kawasan Jajahan Dinding.	196
5.1	Peta Jajahan Dinding pada tahun 1915	250
5.2	Tapak lama Hospital Lumut yang kini telah dijadikan kolej jururawat iaitu Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sultan Azlan Shah (Cawangan Lumut).	254
5.3	Peta Pulau Pangkor Laut pada tahun 1926	258
5.4	Gambar simptom penyakit kusta dikesan apabila adanya tompok-tompok putih dibadan yang tiada deria rasa	263
5.5	Gambar pesakit kusta yang telah mengalami kecacatan akibat daripada jangkitan kusta	263
5.6	Gambar menunjukkan pesakit kusta sedang menerima ubat kusta jenis Dapsone di Pusat Kusta Negara pada tahun 1949	265
5.7	Peti Pos Lama di Hadapan Pejabat Pos Lumut	268
5.8	Peti pos lama yang tertera tulisan ' <i>McDowall Steven & Co.Ltd, London & Glasgow</i> '	268
5.9	Bangunan Pejabat Pos Lumut Yang Dibina Pada Tahun 1933	270
5.10	Wilayah Jajahan Dindings pada tahun 1931	287
5.11	Peta jaringan jalan raya beserta jadual perbatuan di Jajahan Dinding sehingga tahun 1935	293
5.12	Rangka Bangunan Kayu Mahkamah Lumut	318
5.13	Reka Bentuk Dalaman dan Susun Atur Mahkamah Lama Lumut	319
5.14	Gambar Rumah Api Tanjung Hantu, Segari	325



SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
CO	<i>Colonial Office</i>
DCF	<i>Dindings Colonial File</i>
DOD	<i>Dindings Officer District</i>
FMS	<i>Federal Malay States</i>
HCO	<i>Honorable Colonial Officer</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
JKR	Jabatan Kerja Raya
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS	Negeri-negeri Selat
PWD	<i>Public Work Department</i>
RBD	<i>Rural Board Dindings</i>
RGO	<i>Resident General Officer</i>
SB	<i>Secretary Board</i>





SENARAI LAMPIRAN

A Gambar-gambar koleksi penulis





BAB 1

PENDAHULUAN



Perak merupakan salah satu daripada 14 buah negeri yang telah membentuk Malaysia. Perak merupakan negeri yang terletak di utara semenanjung Malaysia serta bersempadan antarabangsa dengan Wilayah Yala, Thailand. Perak adalah negeri keempat terbesar di Malaysia dengan keluasan 20,976 kilometer persegi iaitu merangkumi 6.4 peratus daripada keluasan Malaysia. Negeri Perak terdiri daripada dua belas daerah yang masing-masing mempunyai cerita dan sejarah yang menarik jika dikaji secara lebih mendalam. Antara daerah yang terdapat di Perak adalah seperti Batang Padang, Manjung, Kinta, Kerian, Kuala Kangsar, Larut dan Matang, Hilir Perak, Hulu Perak, Perak Tengah, Kampar, Muallim dan Bagan Datuk.





Daerah Manjung adalah satu daerah yang dahulunya juga dikenali sebagai Jajahan Dinding dan merangkumi kawasan Beruas, Sitiawan, Lumut, Pantai Remis dan Pulau Pangkor.¹ Kini Manjung lebih dikenali sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di Perak kerana tarikan yang terdapat di Teluk Batik dan juga Pulau Pangkor yang menjadi tumpuan para pelancong dari luar.

Dalam pada itu, menurut kajian Nor Hisham Zulkiflee,² dalam catatan *Suma Oriental Tome Pires*, ada menyatakan bahawa pada abad ke-16, Manjung juga pernah disebut sebagai *Mimjang* merupakan sebuah kota yang wujud di tebing Sungai Dinding merupakan satu bandar perlombongan bijih timah terawal yang wujud di negeri Perak.

Menurut Talib Samat,³ nama Dinding sebenarnya berasal daripada satu perkataan Siam iaitu '*Dingding*' yang bermaksud '*Tanah Merah*' yang banyak terdapat di daerah itu. Namun, lama-kelamaan sebutan masyarakat yang menggunakan perkataan Siam itu akhirnya menjadi sebutan Dinding sahaja.

1.2 Latar Belakang

Melalui kajian ringkas perpustakaan yang dibuat oleh pengkaji, didapati Manjung atau dahulunya yang dikenali dengan nama Dinding merupakan sebuah daerah yang sangat

¹ Majlis Perbandaran Manjung. *Buku Panduan Jelajah Manjung (Bandar Pelancongan dan Maritim)*, Majlis Perbandaran Manjung, Perak. 2021. Hlm.4.

² Nor Hisham Zulkiflee. *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah di Perak 1874-1940*, Tesis Sarjana Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. 2017. Hlm.30.

³ Talib Samat. *Memartabatkan Kepahlawanan Nakhoda Muhammad Taib*, Yayasan Perak, Perak. 2011. Hlm.320.





penting di Perak. Ini kerana daerah Dinding merupakan satu kawasan yang terletak berhampiran dengan laut dan merupakan laluan utama yang digunakan bagi tujuan pelabuhan dan pengangkutan untuk perdagangan Bijih Timah pada ketika itu.⁴

Jajahan Dinding merupakan sebuah lokasi yang diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat selepas termeterainya Perjanjian Pangkor 1874. Jajahan Dinding dilihat sebagai kawasan yang mempunyai kepentingan tersendiri kepada kerajaan Perak berdasarkan kelebihan geografi, hasil bumi dan pentadbiran Melayu tradisional di lokasi berkenaan. Namun, peristiwa perebutan takhta politik yang berlaku antara Sultan Ismail dan Raja Abdullah dilihat telah membuka peluang kepada campur tangan British di Perak.⁵



Januari 1874, British menambahkan huruf 's' di belakang perkataan Dinding dan sebutannya menjadi Dinding's. Huruf 's' yang diletakkan itu merujuk kepada '*belong to something*'.⁶ Segelintir masyarakat, pejabat kerajaan, buku catatan dan juga rekod-rekod kolonial masih menggunakan perkataan Dindings, seperti yang dinyatakan Nurlisa Sarah Mohammad Azmi. Perjanjian Pangkor telah didrafdkan pada hari Ahad bersamaa 17 Januari 1874 dan ditermeterai pada 20 Januari 1874 dilihat sebagai permulaan campur tangan British di Perak.⁷ Raja Abdullah telah diangkat menjadi

⁴ Othman Mohd Yatim. *Dinding : Jajahan Istimewa Di Perak*, United Selangor Press Sdn.Bhd, Kuala Lumpur. 1994. Hlm.2.

⁵ Lizawati Ramli. *Konflik dan Campurtangan Asing: Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim 1860-1875*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. 2015. Hlm.6.

⁶ Talib Samat. *Memartabatkan Kepahlawanan Nakhoda Muhammad Taib*, Yayasan Perak, Perak. 2011. Hlm.321.

⁷ Nurlisa Sarah Mohammad Azmi. *Peranan British Dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial Di Jajahan Dinding 1874-1942*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2019. Hlm.3.





Sultan Perak dan Jajahan Dinding diserahkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat. Perjanjian ini juga turut memperlihatkan era baru penjajahan British di negeri Perak yang seterusnya juga telah mengakibatkan negeri Perak kehilangan sebuah daerahnya. British dilihat turut berperanan dalam membangunkan sektor sosial misalnya melalui pembinaan jalan raya, sekolah, pusat kesihatan dan juga kemudahan telegraf dan pos.

Namun, selepas 61 tahun berada di bawah pentadbiran British, Jajahan Dinding kemudiannya telah diserahkan kembali kepada kerajaan Perak melalui satu perjanjian yang ditandatangani pada 16 Februari 1935, di hadapan *Rest House*, Lumut. Bersempena meraikan peristiwa itu, sebuah masjid telah dibina iaitu Masjid Al-Adli, sebagai simbolik kejayaan kepada Kesultanan Perak mendapatkan kembali hak pentadbiran Jajahan Dinding. Nama Jajahan Dinding juga telah ditukar menjadi *Iskandar District* dan Lumut pula digelar Tanah Merah. Sehingga tahun 1980-an, masyarakat setempat masih menggunakan nama Jajahan Dinding, dan akhirnya pada 1 Januari 1982, nama ini terus ditukarkan kepada daerah Manjung yang diguna pakai sehingga ke hari ini.

1.3 Tujuan

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji berkaitan Jajahan Dinding era Negeri-Negeri Selat secara menyeluruh yang bermula pada tahun 1874 sehingga tahun 1935. Penyelidikan ini akan menyelusuri sejarah awal Jajahan Dinding bermula pada tahun 1857. Pengkaji juga akan turut menghuraikan setiap perkembangan yang berlaku dalam





aspek politik, ekonomi dan sosial selepas diletakkan sepenuhnya di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat selepas Perjanjian Pangkor.

1.4 Permasalahan Kajian

Sejarah awal mengenai kewujudan Jajahan Dinding sentiasa diperdebatkan oleh para penulis sebelum ini. Perkataan ‘Dinding’ sendiri pernah disebut dalam catatan *Sejarah Melayu* yang telah dihasilkan pada abad ke-16 Masihi bagi menggambarkan lokasi Kerajaan Gangga Negara, yang merupakan salah sebuah kerajaan kuno di Perak. Namun begitu, menurut Othman Mohd Yatim, pembukaan Jajahan Dinding dapat dikatakan bermula dengan kedatangan Nakhoda Mohamad Taib pada tahun 1857 dengan adanya bukti surat kuasa yang diserahkan oleh Sultan Muazzam Shah (1857-1873).

Jajahan Dinding diserahkan secara rasmi kepada British melalui Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Maka bermula detik itu, Dinding secara rasmi terpisah pentadbiran daripada jajahan Perak yang lain dan berkembang di bawah pentadbiran British sepenuhnya sehinggalah pada tahun 1935, di mana proses penyerahan Dinding dibuat secara rasmi kepada Kesultanan Perak. Dalam perbincangan mengenai sejarah Negeri-negeri Selat, kebanyakan penulis hanya memfokuskan kepada tiga buah negeri sahaja iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Perbincangan tentang pentadbiran Negeri-negeri Selat di Pulau Pinang kebanyakannya menyentuh berkaitan Georgetown sebagai wilayah yang terpenting walaupun Jajahan Dinding adalah berada di bawah pentadbiran Pulau Pinang pada masa tersebut.





Kebanyakan penulis sebelum ini juga hanya menyebut secara tidak langsung berkaitan Jajahan Dinding apabila menulis tentang sejarah Perak. Wilayah Dinding juga dilihat agak lama terbiar dan disisihkan daripada pentadbiran Perak, walaupun sebelum diserahkan secara rasmi kepada British melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Keadaan ini seolah-olah menggambarkan Jajahan Dinding bukanlah sebahagian daripada daerah dalam negeri Perak sehinggalah pada tahun 1935, proses penyerahan Dinding dibuat secara rasmi kepada Kesultanan Perak.

Walaupun sejarah negeri Perak merupakan sejarah tempatan yang popular dalam kalangan pengkaji dalam dan luar negara, namun kajian sejarah Jajahan Dinding masih berkurangan terutamanya berkaitan perkembangan dalam era Negeri-negeri Selat. Penulisan ini dilakukan kerana kekurangan kajian khusus mengenai Dinding yang telah diletakkan di bawah Pentadbiran Negeri-negeri Selat selaras dengan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Seandainya terdapat bahan catatan, ia agak kurang disebut dan hanya disebut secara sepintas lalu tanpa perincian yang mendalam.

Sehubungan itu, sejarah perkembangan Dinding sepanjang ia berada di bawah unit pentadbiran British (Negeri-negeri Selat) belum didokumenkan secara terperinci. Oleh yang demikian, pengkaji akan membuat perincian tentang perkembangan daripada aspek politik, ekonomi dan juga sosial semasa Dinding berada dalam era Negeri-negeri Selat. Kajian ini akan berkisarkan tentang Jajahan Dinding era Negeri-negeri Selat yang bermula pada tahun 1874 sehingga tahun 1935 ini akan menghurai sepenuhnya perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam Jajahan Dinding semasa pentadbiran Negeri-negeri Selat selama hampir 61 tahun.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah;

- 1) Membincangkan latar belakang Jajahan Dinding sebelum tahun 1874.
- 2) Menjelaskan aspek politik Jajahan Dinding dalam era pentadbiran Negeri-negeri Selat (1874-1935).
- 3) Meneliti perkembangan ekonomi Jajahan Dinding semasa pentadbiran Negeri-negeri Selat (1874-1935).
- 4) Menganalisis perubahan sosial Jajahan Dinding dalam era pentadbiran Negeri-negeri Selat (1874-1935).



1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah:

- 1) Bagaimanakah kronologi sejarah pembukaan Jajahan Dinding sebelum tahun 1874?
- 2) Apakah perubahan yang berlaku dalam aspek politik Jajahan Dinding bermula tahun 1874 sehingga tahun 1935?
- 3) Apakah perkembangan ekonomi yang berlaku dalam Jajahan Dinding dalam tempoh bermula tahun 1874 sehingga tahun 1935?
- 4) Apakah perubahan dalam aspek sosial di Jajahan Dinding era Negeri-negeri Selat?





1.7 Skop Kajian

Kajian ini mengambil kira tempoh masa dari tahun 1874 sehingga tahun 1935. Pemilihan tempoh masa tersebut adalah kerana tempoh berkenaan merupakan permulaan penyerahan daerah Dinding secara rasmi kepada pentadbiran British yang dibuat melalui Perjanjian Pangkor, iaitu pada 20 Januari 1874, di mana Jajahan Dinding diletakkan secara rasmi dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat. Skop tempoh masa kajian ini juga diambil kira daripada perubahan yang banyak berlaku daripada pelbagai aspek termasuk politik, ekonomi dan juga pembangunan sosial. Dalam tempoh ini juga telah berlaku perkembangan landskap dan bandar-bandar perlombongan di Perak.⁸ Tahun masa berakhir pada 1935 pula dipilih kerana pada masa tersebut, pentadbiran Dinding telah diserahkan kembali kepada Kesultanan Perak secara rasminya pada 16



Lokasi penyelidikan pula adalah merangkumi kawasan sekitar Jajahan Dinding iaitu dikenali sebagai daerah Manjung pada masa kini. Kawasan yang terlibat ini adalah merangkumi kawasan Sitiawan, Pangkor, Lumut, Pantai Remis dan Beruas. Skop kajian pula akan meliputi keseluruhan aspek politik, ekonomi dan juga sosial di daerah Dinding. Ini kerana menurut kajian yang dilakukan oleh Lim Heng Kow, perkembangan yang pesat telah dilihat berlaku di negeri Perak dalam tempoh dua dekad sejak bermulanya Perjanjian Pangkor 1874 - 1895.¹⁰ Perkembangan ini juga termasuklah

⁸ Nor Hisham Zulkiflee. *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah di Perak 1874-1940*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. 2017. Hlm.3.

⁹ Othman Mohd Yatim. *Dinding : Jajahan Istimewa Di Perak*, United Selangor Press Sdn. Bhd, Kuala Lumpur. 1994. Hlm.32.

¹⁰ Lim Heng Kow. *The Evolution of The Urban System In Malaya*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1978. Hlm.2.





kawasan Dinding yang mana daerah ini juga turut berkembang hasil daripada faktor perkembangan bandar-bandar perlombongan di sekitarnya.

Kajian ini akan dijalankan bagi mengupas sejarah di Jajahan Dinding di dalam tempoh masa era penjajahan British di negeri Perak. Walaupun menurut sejarah, Jajahan Dinding ini pernah diserahkan kepada British bersama-sama dengan Pulau Pangkor pada tahun 1826 iaitu melalui Perjanjian Low,¹¹ tetapi pengkaji hanya akan memberikan fokus kepada tempoh masa bermula 1874 iaitu tempoh masa era Negeri-negeri Selat. Dalam kajian ini, pengkaji akan menjalankan penyelidikan perpustakaan, bahan-bahan ilmiah dan juga terhadap sumber-sumber yang ada bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi tujuan penulisan kajian. Selain itu, skop kajian ini akan meliputi kawasan kajian iaitu di daerah Jajahan Dinding. Kajian ini akan memperlihatkan secara keseluruhan kawasan Dinding yang merupakan kawasan hutan yang tiada apa-apa sehinggalah berlakunya perubahan dan perkembangan dari segi politik, ekonomi dan sosial masyarakat selepas berada di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk merintis sejarah awal Jajahan Dinding. Tidak kira betapa maju dan modennya sesuatu masyarakat, adalah sesuatu yang penting untuk kita mengetahui atau mengenali asal-usul masyarakat kita di sesebuah kawasan. Penduduk setempat

¹¹ Jamilah Mohamad & Mariney Mohd Yusuff. *Pulau Pangkor : Antara Pembangunan dan Kelestarian*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2017. Hlm.8.





sentiasa memerlukan sejarah lampau kerana masa lalu itu adalah sebahagian daripada pengalaman penting kepada diri dan juga masyarakat. Melalui pengalaman hidup, pengetahuan tentang masa lalu akan diperoleh dan membolehkan penduduk daerah ini mengenali dirinya sendiri dan tempat yang didiaminya iaitu Jajahan Dinding. Selain itu, dengan mengetahui masa lalu dan mencatat peristiwa yang berlaku akan memperbanyakkan lagi sumbangan terhadap kajian sejarah. Oleh itu, tiap-tiap peristiwa penting dalam sejarah tanah air perlu direkodkan dan didokumentasikan untuk rujukan, tatapan pembaca dan sebagai teladan bagi generasi yang akan datang.

Secara umumnya kajian berkaitan perkembangan Jajahan Dinding era Negeri-negeri Selat agak kurang dilakukan oleh para pengkaji. Perluasan pengaruh kolonial British terhadap ketiga-tiga negeri ini bermula dengan pendudukan Pulau Pinang pada tahun 1786, Singapura pada tahun 1819 dan Melaka pada tahun 1824. Seterusnya demi menjimatkan perbelanjaan kerajaan, pihak British menyatukan ketiga-tiga negeri di bawah satu unit pentadbiran pada tahun 1826 menjadi Negeri-negeri Selat.¹² Kebanyakan pengkaji lebih menumpukan terhadap tiga negeri utama yang terlibat dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat bermula tahun 1826 iaitu melibatkan wilayah Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

Kajian terhadap perkembangan Dinding ada dilakukan oleh segelintir pengkaji tetapi ianya hanya dilakukan secara ringkas berkaitan aspek sosial dan ekonomi secara sepintas lalu sahaja. Oleh yang demikian, pengkaji cuba untuk merungkai perkembangan Dinding era Negeri-negeri Selat secara menyeluruh dan lebih mendalam

¹² Siti Alwaliyah Mansur. *Pengurusan Penjara Negeri-negeri Selat (1870-1915): Analisa Masalah Segregasi Banduan dan Kaedah Mengatasinya*, Universiti Utara Malaysia, Kedah. Hlm.118.





merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Pengkaji juga akan menganalisa segala perkembangan dan perubahan yang berlaku semasa pentadbiran British terutamanya kepada Negeri-negeri Selat, khususnya Jajahan Dinding. Oleh itu, penyelidikan ini akan dapat memenuhi kekurangan yang terdapat pada kajian terdahulu dalam masa yang sama, akan dapat menambah maklumat dan menjadi rujukan berkaitan perkembangan Dinding era Negeri-negeri Selat ini.

Pengkaji juga akan turut memperincikan aspek pentadbiran dan politik yang sememangnya mengalami perubahan yang amat ketara selepas diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat. Kajian ini akan dapat membantu pengkaji yang lain memahami perubahan tersebut dan juga menjadi sebagai panduan kepada pengkaji dan pembaca yang lain untuk memahami dengan lebih mendalam mengapa Jajahan Dinding ini terus membangun bermula era pentadbiran Negeri-negeri Selat sehingga kini. Oleh yang demikian, kajian yang akan dibuat oleh pengkaji adalah lebih menyeluruh jika dibandingkan dengan kajian terdahulu yang hanya bertumpu kepada tiga wilayah utama di dalam Negeri-negeri Selat.

Dalam pada itu, kajian yang berkisarkan sejarah awal dan juga penghuraian perkembangan Jajahan Dinding ini juga sedikit sebanyak akan dapat membantu masyarakat sekitarnya mengenali sejarah tempatan yang amat penting. Hal ini kerana, kebanyakan masyarakat tempatan juga tidak pernah menyedari bahawa kawasan Jajahan Dinding pernah berada di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat selama lebih 60 tahun secara rasminya sebelum diambil alih semula oleh Kesultanan Perak pada tahun 1935.





1.9 Metodologi Kajian

Dalam membuat penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis dokumen yang melibatkan pengumpulan data mengenai sesuatu maklumat dan seterusnya dijadikan asas untuk membuat kajian secara analisis atau kesimpulan. Pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dan analitikal, di mana pendekatan mengenalpasti dan menganalisis data dan maklumat secara kritis daripada semua sumber yang diperoleh. Antara sumber sejarah yang akan dikaji adalah seperti dokumen dan rekod kerajaan, tesis, jurnal, kertas kerja, serta buku-buku penulisan yang berkaitan dengan perkembangan bandar sekitar Perak dan juga rekod penulisan berkaitan dengan Negeri-negeri Selat.



Kajian ini akan menggunakan rujukan utama iaitu sumber primer yang terdiri

daripada Fail Kolonial (C.O), Secretariat Selangor, Fail Dinding Kolonial (D.C.F) dan juga beberapa sumber rasmi yang lain seperti *Annual Report* yang diperoleh daripada simpanan arkib. Bagi sumber sekunder pula, pengkaji akan melakukan bacaan dan pengumpulan maklumat hasil daripada penyelidikan kepustakaan seperti di Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negeri Perak, Jabatan Muzium Negeri Perak, Perpustakaan Negeri Perak, dan juga perpustakaan beberapa buah IPT Awam yang lain.

Selain itu, pengkaji juga akan membuat tinjauan dan kerja lapangan ke kawasan yang berkenaan bagi mendapatkan lebih gambaran dan maklumat daripada pemerhatian terhadap kesan sejarah di kawasan tersebut. Kajian lapangan ini banyak digunakan bagi melengkapi data perpustakaan selain membantu pengkaji untuk mendapatkan





maklumat yang baru. Ini adalah kerana tidak semua maklumat boleh didapati di perpustakaan. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengunjungi tempat kajian untuk membuat pengamatan secara langsung dengan lebih jelas mengenai objek penelitian. Ia bertujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi responden atau objek yang menjadi sasaran untuk dikaji serta dibuat rumusan dan kesimpulan yang diperlukan. Lokasi yang terlibat adalah seperti sekitar bandar Manjung, Sitiawan, Lumut, Beruas, Pantai Remis, dan juga Pulau Pangkor. Antara lokasi yang akan dilawati adalah kawasan di sekitar Jajahan Dinding, kawasan perkuburan pengasas Dinding, dan juga tapak bangunan tinggal yang masih wujud sebagai bukti kemajuan yang telah dicapai.

Melalui kajian lapangan ini juga, pengkaji akan menjalankan temubual terhadap beberapa tokoh yang pernah mengkaji berkaitan sejarah negeri Perak terutamanya berkaitan sejarah Dinding dan pentadbiran Negeri-negeri Selat. Menurut Sabitha Marican, metod temubual atau wawancara ialah cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan kepada seorang atau lebih responden dengan bercakap secara berhadapan muka.¹³ Istilah bersemuka (*interview*) adalah suatu proses interaksi dan komunikasi daripada dua orang atau lebih iaitu melibatkan subjek dan objek.¹⁴ Kaedah temubual juga merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat yang melibatkan interaksi sosial antara individu, dan ia adalah salah satu cara yang terbaik untuk mengetahui bagaimana sesuatu situasi dilihat dari perspektif orang lain. Temu bual dalam penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua

¹³ Sabitha Marican. *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Prakmatik*, Edusystem Sdn.Bhd., Selangor. 2006. Hlm.141.

¹⁴ Masri Singarimbun & Sofyan Efendi. *Metode Penelitian Survei*, PT Pustaka, Jakarta. 1995. Hlm.70.





bahagian, iaitu temu bual mendalam dan temu bual kumpulan fokus.¹⁵ Antara orang sumber yang akan ditemubual adalah individu yang merupakan generasi jurai keturunan Nakhoda Muhammad Taib iaitu Hajah Hajiriah@Noraini binti Mat Yen (keturunan generasi ke-5), Haji Mohammad Ariff bin A.Karim (keturunan generasi ke-6), dan orang lama yang mengetahui sejarah Jajahan Dinding.

Bagi menghasilkan penulisan yang lebih berkesan, pengkaji juga akan menggunakan kaedah penulisan berbentuk naratif yang akan menceritakan secara sistematik berkaitan perkembangan Jajahan Dinding era Negeri-negeri Selat. Dengan menggunakan kaedah penulisan ini, pengkaji akan menekankan kaedah penceritaan secara kronologi dalam menceritakan semula setiap peristiwa.¹⁶ Pada masa yang sama juga, pengkaji akan turut menonjolkan kaedah penulisan berbentuk diskriptif. Penulisan secara diskriptif akan dapat membantu menyingkap, memaparkan dan mendedahkan sesuatu perkara agar mudah difahami. Kaedah ini penting bagi memastikan penghuraian maklumat akan dapat dibuat dengan lebih terperinci.

1.10 Ulasan Kajian Terdahulu

Kajian yang akan dijalankan pengkaji ini adalah menumpukan aspek sejarah Jajahan Dinding yang akan dihuraikan secara terperinci dalam tempoh masa dari tahun 1874 sehingga tahun 1935, iaitu merupakan tempoh masa era Negeri-negeri Selat. Kajian ini

¹⁵ Kamarul Azmi Jazmi. *Metodologi Pengumpulan Data dalam penyelidikan Kualitatif*, Universiti Teknologi Malaysia, Johor. 2012. Hlm.3.

¹⁶ Bilcher Bala. *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 2000. Hlm.8.





akan memberikan fokus yang mendalam terhadap pembangunan aspek politik, ekonomi dan sosial. Jajahan Dinding ini merupakan kawasan yang istimewa di negeri Perak kerana menjadi satu-satunya daerah yang diasingkan pentadbiran daripada kesultanan Perak. Oleh yang demikian, terdapat beberapa kajian ringkas yang telah wujud menceritakan perihal Dinding secara tidak langsung dalam penulisan mereka.

Hasil tinjauan awal terhadap kajian lepas yang dilakukan, terdapat beberapa kajian yang menfokuskan penceritaan sejarah awal Jajahan Dinding seperti sejarah pembukaan kawasan. Namun begitu, tidak banyak maklumat berkaitan perkembangan Dinding yang dibincangkan secara terperinci terutamanya selepas diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat bermula tahun 1874.



hasil penulisan Othman Mohd Yatim pada tahun 1994 iaitu *Dinding : Jajahan Istimewa Di Perak* yang memberikan fokus dan maklumat berkaitan sejarah awal Dinding secara menyeluruh dari pandangan seorang anak tempatan yang berasal dari kawasan tersebut. Dalam kajian ini, penulis menyentuh secara khusus sejarah awal pembukaan Dinding bermula 1857 yang menceritakan tentang pentadbiran keturunan Nakhoda Mohamad Taib¹⁷ seterusnya menghurai peristiwa pengambilan dan penyerahan semula Dinding kepada kesultanan Perak oleh kolonial British. Penulis juga menyentuh secara lalu berkaitan sejarah kedatangan orang Melayu yang pelbagai di Jajahan Dinding akibat daripada aktiviti perlombongan dan juga perdagangan. Secara keseluruhan, penulis hanya menghuraikan sejarah dan latar belakang kewujudan Dinding.

¹⁷ Othman Mohd Yatim. *Dinding : Jajahan Istimewa Di Perak*, United Selangor Press Sdn.Bhd., Kuala Lumpur. 1994. Hlm.16.





Selain itu, buku *A History Of Malaysia* hasil penulisan Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya ada menceritakan peristiwa Perjanjian Pangkor yang disifatkan telah mempercepatkan proses penglibatan Inggeris dalam urusan negeri-negeri di Tanah Melayu.¹⁸ Penulis juga turut menghurai pembentukan 'British' Malaya yang dikatakan bermula pada tahun 1874 sehingga tahun 1919. Keadaan ini disifatkan begitu kerana melalui Perjanjian Pangkor, ianya dilihat sebagai titik tolak yang menentukan perhubungan formal di antara Britain dan Negeri-negeri Melayu. Perluasan pengawalan British di Tanah Melayu bermula dengan perlantikan Residen dan akhirnya membawa kepada campur tangan secara langsung sehingga tahun 1919, di mana seluruh semenanjung Tanah Melayu tertakluk kepada satu corak penguasaan Inggeris. Penulis juga turut menghurai pelbagai perkembangan ekonomi yang berlaku dari segi industri eksport, bijih timah, ekonomi perladangan, getah, sawit dan padi. Penghuraian ini dibuat secara keseluruhan dan tidak spesifik menjurus kepada negeri atau daerah tertentu sahaja seperti cadangan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji.

Manakala menurut pembacaan daripada buku yang bertajuk *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat (1850-1873)*, hasil terjemahan yang dibuat oleh Khoo Kay Kim daripada buku asal iaitu *The Western Malay States 1850-1873: The Effect of Commercial Development On Malay Politics*, banyak menyentuh tentang negeri Perak daripada segi peristiwa kekacauan dan konflik yang pernah wujud. Hasil penulisan di dalam buku ini juga ada menyentuh hal berkaitan Jajahan Dinding yang telah dirancang sejak 1865 agar diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat melalui laporan akhbar yang dikeluarkan dan berharap agar negeri Perak meminta bantuan

¹⁸ Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya. *A History of Malaysia*, Macmillan Press Ltd, London. 1982. Hlm.155.





mengatasi perbalahan yang sedang berlaku agar mereka dapat mulakan campur tangan.¹⁹ Penulis juga membuat huraian lengkap tentang beberapa faktor British ingin mengambil alih Dinding daripada kerajaan Perak dengan beberapa percubaan sejak 1866 sehingga 1867 tetapi gagal. Namun, hasil penulisan ini hanya berfokuskan penghuraian tentang peristiwa pergolakan dan perang yang berlaku di dalam kerajaan Melayu yang terlibat tanpa menghuraikan secara terperinci perkembangan yang berlaku selepas berlakunya campur tangan kuasa asing. Setiap peristiwa yang ditulis adalah bertitik tolak kepada tekanan dan ancaman yang diterima oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1850 sehingga tahun 1873. Turut ditekankan oleh penulis bahawa bermula tahun 1874 merupakan permulaan penting yang membawa perubahan besar kepada sistem politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat Melayu selepas berlakunya campur tangan kuasa asing secara rasminya.



Dalam pada itu, buku bertajuk *Beruas: Kerajaan Melayu Kuno Di Perak* yang ditulis oleh Othman Mohd Yatim dan Nik Hassan Shuhaimi pada tahun 1994, ada menyentuh berkaitan Jajahan Dinding di dalam bab Sejarah Asal Usul Beruas, Gangga Nagara dan Manjung. Penulis juga turut menyentuh secara tidak langsung berkaitan kedudukan Dinding yang telah diserahkan kepada British melalui Perjanjian Pangkor 1874. Perjanjian ini dilihat telah menamatkan perbalahan dua kumpulan kongsi gelap di Perak dan pada masa yang sama turut mengesahkan kedudukan Dinding dalam Perjanjian Low 1826 yang diletakkan di bawah pentadbiran British di Pulau Pinang.²⁰ Penulis yang sememangnya memfokuskan topik utamanya berkaitan Beruas, turut

¹⁹ Khoo Kay Kim. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., Petaling Jaya. 1984. Hlm.102.

²⁰ Othman Mohd Yatim & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd.Rahman. *Beruas: Kerajaan Melayu Kuno Di Perak*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur. 1994.Hlm.136-137.





menerangkan bahawa peranan Beruas menjadi bertambah kecil selepas diletakkan dan dimasukkan di bawah Jajahan Dinding bersama-sama dengan Sitiawan pada tahun 1937 dan tahun 1938. Oleh yang demikian, disebabkan kandungan buku ini hanya menyentuh serba sedikit berkaitan Dinding dan pengkaji melihat kajian yang lebih mendalam diperlukan bagi menghuraikan aspek berkaitan perkembangan Jajahan Dinding dalam era pentadbiran British dan Negeri-negeri Selat.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Megat Zulrushdi Fahimudin, Mohd Samsudin & Suffian Mansor pada tahun 2020 yang bertajuk *Perak Sebagai Pusat Perdagangan Di Alam Melayu Sehingga Abad Ke-19* yang menghurai kegiatan ekonomi perdagangan dalam kalangan masyarakat Melayu Perak sehingga awal kedatangan British pada tahun 1874. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang mengkaji manuskrip lama negeri Perak di samping mengkaji sumber-sumber hasil penulisan sarjana-sarjana tempatan. Penulis menceritakan berkaitan peristiwa campur tangan pihak Belanda dan British di Negeri Perak kerana Perak merupakan kawasan yang strategik dalam bidang ekonomi dengan wujudnya bijih timah. Penulis menghuraikan secara terperinci berkaitan perdagangan awal di Perak yang dilihat bertumpu dan bermula di kawasan berhampiran dengan laut iaitu Kerajaan Gangga Nagara yang melibatkan Sungai Dinding sebagai pelabuhan utamanya. Penulis juga ada menyatakan bahawa kawasan daerah Dinding juga pernah menjadi sebuah pelabuhan enterepot di mana menjadi tempat persinggahan kapal-kapal dagang dari seluruh Alam Melayu terutamanya pedagang dari Sumatera.²¹ Walaubagaimanapun, hasil penulisan ini, terhad setakat bidang ekonomi dan campur tangan British sehingga 1874 sahaja,

²¹ Megat Zulrushdi Fahimudin, Mohd Samsudin & Suffian Mansor. *Perak Sebagai Pusat Perdagangan Di Alam Melayu Sehingga Abad ke-19*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 2020. Hlm.255.





tidak menceritakan secara terperinci berkaitan Jajahan Dinding dalam era Negeri-negeri Selat yang bermula pada tahun 1874.

Terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Lizawati Ramli, melalui kajian tesisnya yang bertajuk *Konflik dan Campurtangan Asing: Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim 1860-1875* yang menceritakan secara langsung keadaan politik yang berlaku di Perak. Penulis menyebut bahawa Perak merupakan negeri Melayu pertama yang menerima asakan dan dasar campur tangan British secara langsung dengan penerimaan Residen British akibat daripada Perjanjian Pangkor 1874.²² Penulis menghurai secara terperinci di dalam kajiannya berkaitan konflik dan persengketaan yang berlaku melibatkan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim serta penelitian berkaitan campur tangan asing di negeri Perak dalam tempoh 1860-1875. Kesan akibat perang kekacauan dan juga perang Larut yang berlaku turut dianalisa oleh penulis yang memberikan impak kepada pemimpin tempatan dan kuasa asing yang terlibat. Perkaitan yang menyentuh mengenai Perjanjian Pangkor juga ada diselitkan tetapi agak terhad kerana penulis hanya memberikan fokus kepada kedudukan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim selepas perjanjian tersebut termeterai secara rasmi.

Kemudian, kajian yang dijalankan oleh Nor Hisham bin Zulkiflee dalam penyelidikannya yang bertajuk *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah Di Perak 1874-1940* adalah berkaitan perkembangan bandar perlombongan. Kajian ini juga ada menyebut serba sedikit berkaitan daerah Manjung di dalam kupasan bab dua iaitu sebagai salah sebuah kota dan bandar perlombongan bijih timah tradisional terawal

²² Lizawati bt. Ramli. *Konflik Dan Campurtangan Asing : Raja Abdullah Dan Ngah Ibrahim 1860-1875*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. 2015. Hlm.9.





yang wujud di negeri Perak.²³ Namun kajian ini lebih berfokus kepada perkembangan bandar-bandar perlombongan bijih timah yang lain seperti di daerah Larut, Kinta dan Batang Padang. Selain itu, Kajian ini lebih berfokuskan faktor perkembangan dan juga kepentingan bandar-bandar tersebut kepada kolonial British dari aspek ekonomi.

Selain itu, terdapat satu buku yang dikeluarkan bertajuk Pulau Pangkor : Antara Pembangunan dan Kelestarian, di dalamnya terdapat artikel bertajuk *Pangkor Dalam Sejarah : Dominasi dan Evolusi 1670-1941*, tulisan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Nurizwanfaizi Nordin dan Nurhannah Ahmad Zainy yang diterbitkan pada tahun 2017 mengkaji sepenuhnya berkaitan perkembangan Pulau Pangkor sejak sebelum zaman kolonial sehinggalah pasca kolonial. Namun, penulis ada menyebut berkaitan Jajahan Dinding di dalam penulisannya kerana daerah Dinding ini terlibat secara langsung dalam Perjanjian Pangkor 1874, di mana kedua-dua kawasan ini secara rasminya telah diperaku menjadi milik British²⁴ dan Negeri-negeri Selat sehingga tahun 1935. Dalam kajian ini, penulis memberikan gambaran yang pelbagai berkaitan jajahan Dinding. Hasil penulisan ini juga turut menceritakan perjalanan Jajahan Dinding dan Pulau Pangkor yang telah diletakkan di bawah Negeri-negeri Selat daripada aspek kekurangan, masalah yang dihadapi pada ketika itu.

Manakala kajian Mohd Isa Othman berjudul *Sejarah Malaysia (1800-1963)* yang menghuraikan secara terperinci tentang aspek politik, ekonomi dan sosial semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam hasil penulisan ini ada

²³ Nor Hisham Zulkiflee. *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah di Perak 1874-1940*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. 2017. Hlm.29.

²⁴ Jamilah Mohamad & Mariney Mohd Yusoff. *Pulau Pangkor : Antara Pembangunan dan Kelestarian*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2017. Hlm.12.





disebutkan juga campur tangan yang berlaku pada Oktober 1873 antara saudagar Cina dari Singapura dan Kapten Speedy di kawasan Larut merupakan titik permulaan yang membawa kepada Persetiaan Pangkor pada tahun 1874.²⁵ Penulis menghuraikan secara lanjut berkaitan Negeri-negeri Selat di dalam bab dua penulisannya, keadaan sebelum dan selepas campur tangan British di Perak di dalam bab empat, serta turut menghuraikan Perjanjian Pangkor yang berlaku pada 1874 di dalam bab lima. Namun, tiada maklumat terperinci berkaitan Jajahan Dinding dan Pulau Pangkor yang telah diletakkan di bawah pentadbiran British iaitu di dalam Negeri-negeri Selat seperti penyelidikan yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Penulis cuma memfokuskan penghuraian dan penceritaan yang melibatkan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka berkaitan dengan pentadbiran Negeri-negeri Selat.



perjalanan sistem politik dan konflik yang berlaku di Perak sebelum dan selepas campurtangan kuasa asing adalah sebuah buku berjudul *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British Di Perak*, hasil penulisan Abdullah Zakaria Ghazali. Di dalam buku tersebut, penulis memaparkan secara jelas berkaitan kehadiran dan penglibatan British di Perak yang akhirnya mencetuskan pertelagahan dengan orang Melayu tempatan. Buku ini turut membincangkan dasar campur tangan British dalam sistem politik di Perak seterusnya membahas faktor-faktor yang menyebabkan kebangkitan orang Melayu yang tidak berpuas hati dengan sistem Residen. Hasil penulisan ini juga ada menyentuh secara tidak langsung tentang Jajahan Dinding yang terlibat dengan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 di antara Raja Muda Abdullah dan Temenggung,

²⁵ Mohd Isa Othman. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., Kuala Lumpur. 2002. Hlm.54-55.





Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Dato' Sagor, Raja Bendahara, Syahbandar, dan Raja Mahkota dengan Sir Andrew Clarke²⁶ yang membawa kepada campur tangan British di Perak secara langsung.

Terdapat satu buku yang bertajuk *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu* hasil tulisan Zainal Abidin Wahid, yang ada menyentuh tentang kemajuan pentadbiran Tanah Melayu pada tahun 1896 sehingga 1941. Dalam buku ini, penulis merakamkan penceritaan berkaitan beberapa kemajuan yang penting dari aspek politik, ekonomi dan kemasyarakatan di Tanah Melayu merangkumi tempoh 45 tahun yang bermula sebelum Persetiaan Persekutuan hingga kepada peristiwa meletusnya Perang Dunia Kedua. Kebergantungan ekonomi Tanah Melayu kepada turun naiknya bijih timah dan juga getah dihuraikan secara langsung oleh penulis. Daripada aspek kemasyarakatan pula, penulis menghurai serba sedikit usaha yang dijalankan oleh British seperti mengadakan perhubungan jalan raya, landasan keretapi, sistem pelajaran serta perkhidmatan perubatan yang lebih baik. Namun, penulis tidak menghadkan perkembangan yang berlaku di kawasan setempat atau daerah tertentu, tetapi penceritaan merangkumi secara menyeluruh berkaitan perkembangan yang berlaku di negeri Tanah Melayu. Penulis turut menyentuh isu berkaitan Persetiaan Pangkor yang mensyaratkan Residen sebagai penasihat sultan, akan tetapi selepas penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1896, segala kuasa pentadbiran diambil alih oleh Residen Jeneral yang berpusat di Kuala Lumpur.²⁷ Penulisan ini dilihat merupakan penceritaan yang menyeluruh bagi menggambarkan

²⁶ Abdullah Zakaria Ghazali. *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British Di Perak*. Yayasan Perak, Perak. 1997. Hlm.13.

²⁷ Zainal Abidin Bin Abd.Wahid. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1979. Hlm. 92.





sistem politik, ekonomi dan sosial setiap negeri di Tanah Melayu dan mempunyai sedikit perkaitan dengan kajian pengkaji namun tidak menepati skop kajian seperti yang ingin dijalankan oleh pengkaji iaitu lebih berfokus berkaitan daerah Dinding semasa era Negeri-negeri Selat.

Satu jurnal yang bertajuk '*Outline Of The History Of The Dindings From The 17th Century To The Present Time*', karya E.M.Merewether yang menyentuh secara terperinci tentang perkembangan yang berlaku dalam Jajahan Dinding di sekitar abad ke-17 hingga akhir abad ke-19. Penulis menceritakan detik bermula daripada penemuan kuasa Belanda pada tahun 1661, pembinaan benteng, peristiwa serangan orang Melayu, dan juga penarikan kuasa Belanda dari Pulau Pangkor. Penulis turut menekankan kronologi berkaitan kuasa British pada tahun 1826, apabila wilayah ini diserahkan kepada British oleh Perak, tetapi penggunaannya tidak begitu aktif sehingga tahun 1867. Namun, Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 menjadi tanda terhadap kedaulatan kuasa British, diikuti oleh beberapa rentetan peristiwa tragis dan perubahan pemerintahan sehingga pemerintah koloni mengambil alih pada tahun 1886. Penulis turut menggambarkan keadaan Jajahan Dinding, yang terdiri daripada Pulau Pangkor dan Sembilan Pulau di sekelilingnya dengan jelas. Menurut penceritaan penulis, Jajahan Dinding ini memiliki potensi daripada aspek ekonomi melalui hasil hutan, bijih timah, dan juga sumber galian emas di Teluk Klian Mas.²⁸ Meskipun keindahan Pulau Pangkor pernah dipengaruhi oleh masalah kesihatan, seperti penularan demam malaria yang kronik, namun wilayah ini tetap menarik perhatian sebagai aset ekonomi yang berharga kepada kuasa British. Gambaran yang diberikan oleh penulis sememangnya

²⁸ E.M.Merewether. *Outline Of The History Of The Dindings From The 17th Century To The Present Time*, Journal Of The Straits Branch of The Royal Asiatic Society. No.23, June 1891. Hlm.45.





spesifik berkaitan dengan lokasi kajian pengkaji, namun tiada penghuraian yang terperinci yang dibuat berkaitan perkembangan yang berlaku dalam Jajahan Dinding semasa Dinding diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat bermula tahun 1874 sehingga tahun 1935. Bagi memenuhi kegunaan dan lompong kajian ini, pengkaji berhasrat untuk mengkaji dan menulis dengan lebih mendalam tentang perkembangan politik, ekonomi dan juga sosial bagi Jajahan Dinding dalam era Negeri-Negeri Selat.

Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Nurlisa Sarah Mohamad Azmi pada 2019 yang bertajuk *Peranan British Dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial Di Jajahan Dinding 1874-1942* yang dilihat agak selari dan berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Dalam penulisan kajian ini, Nurlisa menghuraikan keadaan Dinding selepas Perjanjian Pangkor 1874 sehingga tahun 1942 daripada aspek sosial dan ekonomi. Penghuraian ini diperincikan tentang tindakan dan peranan pihak British membuat perubahan selepas mengambil alih pentadbiran di daerah tersebut. Perubahan ini termasuklah daripada aspek pembangunan kemudahan prasarana seperti bekalan air, sekolah dan bangunan. Daripada segi ekonomi pula, penulis menghurai jenis-jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Dinding pada ketika itu yang juga memberikan sumber ekonomi kepada kolonial British.²⁹ Namun, kajian ini hanya berfokus kepada dua aspek berkenaan sahaja tanpa menghuraikan secara mendalam berkaitan politik Dinding dalam tempoh masa berkenaan. Oleh yang demikian, pengkaji ingin membuat penambahbaikan kepada kajian ini dengan memberikan fokus yang lebih mendalam berkaitan aspek politik, ekonomi dan juga sosial era Negeri-negeri Selat dengan

²⁹ Nurlisa Sarah Mohammad Azmi. *Peranan British Dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial Di Jajahan Dinding 1874-1942*, Universiti Malaya., Kuala Lumpur. 2019. Hlm.12.





menganalisa dengan lebih terperinci tentang perkembangan Jajahan Dinding semasa berada di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat khususnya.

Setelah melihat dan membaca kajian terdahulu, pengkaji mendapati terdapat beberapa bahagian penting yang masih belum dihuraikan secara lengkap dan terperinci berkaitan Jajahan Dinding semasa era negeri-negeri Selat. Antaranya adalah berkaitan sejarah awal Jajahan Dinding, yang masih lagi mempunyai beberapa persoalan tentang sejarah pembukaannya. Selain itu, penghuraian dan juga analisa terhadap perkembangan Jajahan Dinding semasa era pentadbiran Negeri-negeri Selat juga masih tidak menyeluruh dan tidak dikaji sepenuhnya daripada pelbagai aspek terutamanya dari segi politik dan pentadbiran British. Oleh yang demikian, bagi memenuhi keperluan, dan melengkapkan kekurangan kajian lepas, pengkaji mengambil keputusan bagi menjalankan kajian yang lebih terperinci berkaitan Jajahan Dinding era Negeri-negeri Selat yang bermula pada tahun 1874 sehingga tahun 1935.

1.11 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa istilah penting yang memainkan peranan dalam memperjelaskan tajuk penyelidikan. Istilah-istilah tersebut adalah *Jajahan* dan *era*.



Jajahan

Perkataan 'jajahan' mengikut pengertian dalam Kamus Dewan edisi keempat adalah membawa maksud 'kawasan yang termasuk dalam satu pentadbiran'. Jajahan juga membawa maksud 'daerah atau kawasan (negeri dan lain-lain) yang ditakluki'. Manakala menurut carian dalam wikikamus pula, jajahan membawa maksud 'satu kawasan setempat yang ditadbir' dan 'kawasan yang dijajah'. Perkataan jajahan juga disebut sebagai '*colony, district, territory*' dalam Bahasa Inggeris, yang kita fahamkan juga sebagai gambaran 'masyarakat, perkampungan, kawasan, wilayah, kumpulan atau kelompok'. Perkataan 'jajahan' ini merupakan satu kata terbitan daripada kata dasar 'jajah', yang kemudian diletakkan imbuhan akhiran '-an'.

Menurut ensiklopedia, 'jajahan' adalah wilayah yang diletakkan secara khusus di bawah pemerintahan sesebuah negeri. Perkataan 'jajahan' ini juga hanya digunakan sekali-sekala dalam teks awal berbahasa Melayu contohnya seperti Sejarah Melayu.

Walau bagaimanapun, maksud 'jajahan' daripada perspektif pada tempoh masa kajian ini, membawa maksud 'kawasan, lingkungan daerah' yang mempunyai pemerintah tertentu, boleh juga ditakrifkan sebagai 'bandar, negeri, negara, tempat'.

1.12 Pembahagian Bab

Daripada penulisan kajian ini, pengkaji akan membuat pembahagian kepada enam bab yang utama. Bab pertama merupakan bahagian pengenalan yang akan menyentuh



secara ringkas tentang tajuk kajian yang dipilih, latar belakang dan tujuan kajian, permasalahan, objektif, skop dan kepentingan kajian, ulasan kajian terdahulu, serta metodologi kajian.

Bab kedua pula akan menghuraikan sejarah awal dan latar belakang Jajahan Dinding. Bab ini penting untuk memberi gambaran tentang kajian yang akan dilakukan dan merupakan maklumat asas tentang sejarah penubuhan daerah terbabit sebagai gambaran awal sebelum memasuki fasa kajian. Olahan kajian bab ini akan menjadi kesinambungan kajian bab seterusnya yang menceritakan kepentingan Jajahan Dinding dan akhirnya membawa kepada perkembangan Jajahan Dinding era Negeri-negeri Selat yang bermula pada tahun 1874 sehingga tahun 1935.



Dalam bab ketiga, pengkaji akan menilai perubahan yang berlaku dalam aspek

politik di Jajahan Dinding. Perubahan ini akan dihurai berdasarkan perbezaan yang berlaku dalam sistem politik dan susun atur pentadbiran di pelbagai peringkat dari peringkat atasan sehingga ke peringkat bawahan, iaitu peringkat jajahan dan kampung. Penilaian ini akan merangkumi olahan kronologi sebelum dan selepas Jajahan Dinding diambil alih oleh kuasa British.

Bab keempat pula, pengkaji akan meneliti perkembangan ekonomi yang berlaku di dalam Jajahan Dinding sepanjang tempoh bermula tahun 1874 sehinggalah tahun 1935. Dalam tempoh kajian ini, pengkaji akan mengupas segala bentuk perkembangan yang berlaku dalam bidang ekonomi selepas jajahan Dinding diletakkan secara rasminya di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat melalui Perjanjian Pangkor 1874.





Seterusnya, dalam bab kelima pengkaji akan meneruskan analisa tentang perubahan aspek sosial yang berlaku dalam Jajahan Dinding. Dalam bab ini, pengkaji akan menilai perubahan yang berlaku dalam aspek perubahan masyarakat dan sosial serta perkembangan yang berlaku dalam Jajahan Dinding secara menyeluruh di samping mendedahkan penglibatan dan usaha-usaha yang dilakukan oleh British dan juga orang tempatan.

Akhir sekali adalah bab keenam yang akan merumuskan tentang keseluruhan hasil dapatan penyelidikan pengkaji dalam tempoh masa yang dipilih. Bab ini juga merupakan penilaian penting kepada tujuan kajian dibuat dan dapat memberikan gambaran ketepatan objektif penyelidikan tentang Jajahan Dinding era Negeri-negeri Selat.



1.13 Penutup

Kajian yang dijalankan ini akan membawa pembaca mengetahui sejarah awal dan latar belakang Jajahan Dinding, Perak bermula dari tahun 1857 hingga tahun 1935. Kajian ini berfokus pada aspek politik, ekonomi, dan sosial Jajahan Dinding sepanjang era Negeri-negeri Selat. Sejarah Jajahan Dinding yang dimulai dengan kedatangan Nakhoda Mohamad Taib pada tahun 1857, kemudiannya telah mendapatkan surat kuasa dari Sultan Muazzam Shah. Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 menjadi saksi Jajahan Dinding secara rasmi berpindah tangan kepada Negeri-negeri Selat dan bermulalah era penjajahan British yang membawa kepada campur tangan British di Perak.





Penulisan kajian ini menggunakan pendekatan naratif dan deskriptif untuk memberikan gambaran yang lengkap dan terperinci tentang sejarah Jajahan Dinding. Kesimpulan kajian akan merangkumkan hasil dapatan dan memberikan penilaian keseluruhan terhadap perkembangan Jajahan Dinding di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang peranannya dalam membentuk identiti masyarakat setempat dan pengaruh penjajahan British di Jajahan Dinding.

